

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Semua Risiko Kontraktor (Contractor's All Risks)

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Semua Risiko Pembinaan. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi Semua Risiko Kontraktor menyediakan perlindungan untuk kerugian akibat kerosakan material semasa tempoh pembinaan serta perlindungan terhadap kerosakan hartanah dan kecederaan tubuh badan Pihak Ketiga sewaktu kontrak kerja dilaksanakan di tapak kontrak yang dinamakan di dalam polisi.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini mempunyai dua bahagian, iaitu:

- Bahagian I – Kerosakan Material: sebarang kerugian atau kerosakan fizikal tidak dijangka atau mengejut diakibatkan oleh punca lain, selain daripada yang dinyatakan sebagai pengecualikan khusus kepada kerja kontrak diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga berjumlah tidak melebihi jumlah nilai diinsurans yang dinyatakan di dalam Jadual.
- Bahagian II – Liabiliti Pihak Ketiga: kerosakan yang perlu dibayar menurut undang-undang oleh Pihak Di insuranskan yang menyebabkan kecederaan tubuh badan atau kerosakan hartanah kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku secara langsung berkaitan dengan kerja kontrak yang dinyatakan di dalam Bahagian I polisi.

Tempoh perlindungan adalah berdasarkan tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Surat Perlantikan dan boleh dilanjutkan sewajarnya selepas mendapat kebenaran atau permintaan dari Prinsipal.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut bentuk perniagaan anda dan keperluan penunderaitan kami.

Anggaran Nilai Kontrak	:	RM _____
Kadar dikenakan	:	_____ %
Jumlah premium teranggung yang anda perlu bayar ialah	:	RM _____

Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250.00.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5 : Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ianya merupakan asas kepada kontrak insurans.

Perubahan dalam Risiko

- Anda harus memaklumkan pihak kami atau penantara insurans anda dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendoskan pada polisi anda.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)
(Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad)

Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan

- Anda dikehendaki mengambil semua langkah pencegahan yang wajar dengan semua saranan daripada pihak kami yang munasabah untuk menghalang kerugian, kerosakan atau liabiliti dan mematuhi keperluan statutori dan cadangan pengilang.
- Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang anda insuranskan yang dinyatakan dalam Jadual adalah mencukupi.
- Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Peperangan, Perang Saudara dan sebarang tindakan keganasan.
- Reaksi nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif.
- Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja pihak Diinsuranskan atau wakilnya.
- Pemberhentian kerja separa atau sepenuhnya.
- Sebarang bentuk kerugian turutan.
- Kerugian atau kerosakan akibat kesilapan rekaan, kecacatan material atau acuan, hasilkerja yang rosak selain daripada di dalam pembinaan.
- Penggunaan dan kesusuhan, hakisan, pengoksidaan, pergerakan.
- Kerugian atau kerosakan yang hanya diketahui sewaktu inventori.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Tertakluk kepada terma dan syarat Syarikat mengenai pembatalan. Sila rujuk kepada Syarikat untuk maklumat lanjut.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

(Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad)

Liberty Insurance Tower,
CT9,
Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur

Emel : customer@kurnia.com

Laman Web : www.kurnia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN.
ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA
ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Liberty General Insurance Berhad (Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan semua kelas perniagaan insurans am.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 Julai 2023.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (lawat www.pidm.gov.my)